

Siswazah UPM punyai nilai kebolehpasaran

Oleh **MOHD. ASRON MUSTAPHA**

mohdasron.mustapha@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 14 MEI**

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) muncul antara universiti tempatan terbaik yang mampu melahirkan siswazah dengan nilai-nilai kebolehpasaran apabila 82.2 peratus lulusannya mendapat pekerjaan atau berjaya melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan berkata, pencapaian itu merupakan sesuatu yang membanggakan kerana membuktikan keupayaan universiti tersebut dalam melahirkan siswazah berkualiti tinggi melebihi standard ditetapkan Kementerian Pendidikan.

“Ini membuktikan tekad serta iltizam UPM sentiasa kukuh untuk melahirkan siswazah berciri global, menepati keperluan majikan serta mengangkat pelajar UPM ke taraf lebih baik,” katanya ketika berucap dalam majlis Anugerah Gemilang Putra 2014, di sini hari ini.


Dalam majlis itu, 17 tenaga akademik UPM menerima Anugerah Fellowship Naib Canselor iaitu empat pensyarah membabitkan segmen pengajaran, lapan pensyarah (penyelidikan dan inovasi), dua pensyarah (perkhidmatan profesional) dan empat pensyarah (perundingan cemerlang).

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, selaku Canselor UPM hadir mencemar duli bagi menyampaikan anugerah tersebut kepada semua tenaga pengajar yang cemerlang.

Mohd. Fauzi dalam pada itu menambah, peningkatan nilai kebolehpasaran graduan UPM adalah seiring dengan kecemerlangan universiti tersebut dalam bidang penyelidikan, pencapaian akademik serta peningkatan dalam kedudukan ‘ranking’ dunia.

Menurutnya, dalam bidang penyelidikan, UPM mencatat banyak kejayaan manis pada tahun lalu apabila memenangi lima pingat emas, 12 perak dan 10 gangsa di peringkat kebangsaan, selain turut menggondol anugerah khas pada pameran Teknologi Expo 2014.

UPM juga jelas beliau turut



MOHD. FAUZI RAMLAN



Ini membuktikan tekad serta iltizam UPM sentiasa kukuh untuk melahirkan siswazah berciri global, menepati keperluan majikan serta mengangkat pelajar UPM ke taraf lebih baik.”

DR. MOHD. FAUZI RAMLAN
Naib Canselor UPM

memenangi lapan pingat emas di Pameran Rekaan, Teknologi dan Inovasi (ITEX) 2014 serta memenangi hadiah utama Pengurusan Harta Intelek Terbaik bagi kategori organisasi anjuran Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).

“Dari segi ranking, tahun 2015 melakarkan kejayaan yang cukup bermakna buat UPM. Kami menduduki tangga pertama universiti terbaik Malaysia dan kali kedua memperoleh kedudukan itu selepas 2012, selain berada di kedudukan 76 terbaik di Asia dan 376 terbaik di dunia,” katanya.